

CERPEN MIKRO: WACANA KREATIF DALAM P&P PEMBANGUNAN BELIA (SKPM 2023)

¹Jamiah Manap
Aizan Sofia Amin
Siti Fardaniah Abdul Aziz
Chong Tseau Tsuey
Arena Che Kasim
Mohd Nasir Selamat
Noordeyana Tambi
²Fazilah Idris

**Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia¹
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia**

**Pusat CITRA²
Universiti Kebangsaan Malaysia**

Abstrak

Kursus Pembangunan Belia (SKPM 2023) mulai dibuka kepada semua pelajar UKM pada tahun 2012 dan dijadikan kursus CITRA rentas ilmu pada tahun 2013. Pelbagai kaedah P&P digunakan untuk memastikan pelajar yang terdiri daripada generasi Y dan Z dapat menghayati dan menguasai kursus ini dengan baik. Satu daripada pendekatan P&P yang digunakan adalah cerpen mikro. Cerpen mikro dalam konteks ini merupakan cerita pendek yang kurang daripada 250 patah perkataan. Ia diinspirasikan daripada kaedah penceritaan di dalam al-Quran bagi menyampaikan mesej dengan lebih berkesan dan mendalam. Pendekatan cerpen mikro digunakan untuk membolehkan pelajar menghayati isu-isu pembangunan belia dan menyampaikan mesej khusus berkenaan dengan pembangunan belia dengan baik. Sehubungan itu, dalam kajian tindakan ini, 160 pelajar diminta untuk menghasilkan sebuah cerpen mikro yang bertemakan pembangunan belia dan membentangkan cerpen tersebut mengikut kreativiti masing-masing. Hasilnya, sejumlah 160 buah cerpen telah dihasilkan. Sebahagiannya telah dibentangkan dan dikompilasikan menjadi sebuah antologi cerpen mikro pembangunan belia. Pendekatan P&P ini didapati telah berjaya meningkatkan penghayatan mahasiswa terhadap isu-isu pembangunan belia, menyampaikan mesej yang membina kepada belia, meningkatkan kreativiti dan memberikan pengalaman baru yang bermakna kepada mahasiswa terutamanya bagi pelajar aliran sains dan kejuruteraan. Terdapat juga cerpen mikro yang telah diadaptasikan oleh pelajar kepada filem pendek. Kesimpulannya, cerpen mikro merupakan kaedah PNP yang berkesan dan bersesuaian dengan citra pelajar generasi Y dan Z di institusi pengajian tinggi.

Kata Kunci: Cerpen Mikro, Pembangunan Belia, Psikologi Pendidikan, Generasi Z, SoTL

PENDAHULUAN

Kursus SKPM 2023 merupakan kursus wajib bagi Program Sarjana Muda Sains Sosial (Pembangunan Manusia) di bawah Program Pembangunan Manusia, Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Ia ditawarkan kepada pelajar tahun tiga untuk membolehkan pelajar mengetahui ciri/perkembangan khusus belia, faktor-faktor pembangunan belia dan pemerksaan belia melalui falsafah pembangunan belia positif. Bagaimanapun, bermula pada tahun 2012, Program Sarjana Muda Sains Sosial (Pembangunan Manusia) telah ditangguhkan. Oleh itu, kursus-kursus wajib di bawah program tersebut ditawarkan sebagai program elektif bebas bagi pelajar-pelajar di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Pada tahun 2013, berlaku perubahan pada sistem pembelajaran di UKM dengan penubuhan Pusat CITRA Universiti. Rentetan itu, kursus SKPM 2023 dijadikan kursus Citra Rentas Ilmu dan dibuka kepada semua pelajar UKM.

Transformasi daripada kursus wajib kepada kursus elektif dan akhirnya kursus Citra Rentas ilmu menuntut perubahan pada kaedah pembelajaran. Ini kerana, sebaik sahaja dibuka kepada semua pelajar, ia bermakna kaedah PdP bagi kursus ini mesti sesuai untuk pelbagai peringkat umur, generasi dan latar belakang bidang pengajian.

Pendekatan Cerpen Mikro ini diinspirasikan daripada kaedah penceritaan di dalam al-Quran. Terdapat pelbagai cerita yang terdapat di dalam al-Quran. Setiap cerita memberikan mesej dan pengajaran yang bermakna dan mudah diingati. Sebagai contoh, Surah Yusuf mengandungi plot cerita yang sangat menarik. Ia menceritakan kisah Nabi Yusuf AS yang dibuang ke dalam telaga oleh saudaranya akibat perasaan cemburu. Setelah itu, baginda dijual sebagai hamba dan dibeli oleh seorang pembesar. Baginda kemudiannya membesar menjadi seorang belia yang sangat tampan sehingga menyebabkan baginda mengalami gangguan seksual daripada isteri pembesar dan wanita yang mengkagumi ketampanannya. Baginda kemudiannya dipenjarakan tanpa sebarang kesalahan namun akhirnya dibebaskan setelah berjaya menafsir mimpi raja dengan tepat. Baginda kemudiannya diangkat menjadi pembesar negara dan mengurus belanjawan negara dengan baik sehingga berjaya mengatasi cabaran musim kemarau yang panjang (*al-Quran, surah Yusuf: 1-111*). Penceritaan ini sangat mudah untuk diingati oleh setiap pembaca pada setiap peringkat umur. Dalam masa yang sama, ia memberikan pengajaran yang sangat berguna kepada manusia terutamanya tentang pentingnya sikap sabar dan kebijaksanaan dalam menghadapi cabaran kehidupan. Hal ini bersesuaian dengan fitrah manusia yang tidak berubah mengikut zaman.

METODOLOGI

Kajian tindakan merupakan refleksi kendiri dan intervensi yang dilakukan oleh penyelidik sebagai pengamal pendidikan (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia, 2008) untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam

dewan kuliah. Kajian tindakan yang baik dilaksanakan secara kolektif (Kemmis & McTgart, 2005), sistematik (Ebbut, 1985) penuh kesedaran, kritis (Mcniff, 2013) dan proaktif.

Kajian tindakan bersifat eksklusif kerana ia merupakan sejenis penyelidikan pendidikan yang melibatkan guru sebagai penyelidik dan mendorong guru untuk melakukan inovasi (Lomax, 1994). Dalam kajian ini, ia melibatkan empat peringkat iaitu refleksi, merancang, bertindak dan memerhati (Kemmis dan Mc Taggart, 2005) sebagaimana berikut:

Peringkat 1 : Refleksi

1. Kursus SKPM 2023 telah menjadi kursus citra yang terbuka kepada semua pelajar UKM yang terdiri daripada generasi Y dan generasi Z.
2. Setiap semester, permintaan untuk mengikuti kursus SKPM 2023 adalah tinggi dan pelajar terdiri daripada pelbagai kaum, fakulti dan tahun pengajian (1, 2 dan 3).
3. Sehubungan itu, kaedah P&P kursus perlu bersesuaian dengan latar belakang pelajar yang pelbagai.
4. Objektif kursus perlu dicapai untuk membentuk Agen Pembangunan Belia (APB) yang berkesan.
5. Tugasan yang diberikan mesti bersesuaian dengan penilaian kursus (10 % daripada keseluruhan penilaian kursus).
6. Pembangunan kandungan (content development) terutamanya dalam konteks media sosial adalah elemen yang penting dalam pemerkasaan belia masakini.
7. Agen Pembangunan Belia perlu memiliki kemahiran untuk membangunkan kandungan yang berkualiti dan menarik untuk memperkasakan belia.

Peringkat 2 : Merancang

1. Memberi tugas Cerpen Mikro bertemakan pembangunan belia.
2. Berikut merupakan perincian bagi tugas tersebut:
 - a. Tema : Pembangunan Belia.
 - b. Panjang : 1-3 ms/ 250 patah perkataan atau lebih.
 - c. Menggunakan Bahasa Melayu Tinggi atau Bahasa Inggeris yang sempurna.
 - d. Mempunyai satu mesej yang khusus kepada remaja/belia.
 - e. Memberi satu kesan emosi.
 - f. Mempunyai plot yang jelas.
 - g. Mempunyai latar masa dan tempat.
 - h. Mempunyai satu watak.
 - i. Karya original.
 - j. Mempunyai nilai ilmu.
 - k. Berupaya menarik perhatian remaja/belia merenung/berfikir.

Peringkat 3 : Bertindak

1. Membincangkan tugas yang diberikan dan mendapatkan persetujuan bersama daripada semua pelajar.
2. Memperincikan tugas individu penulisan cerpen mikro atau karya kreatif yang bertemakan pembangunan belia kepada pelajar dalam sistem iFolio (*task*) pada minggu terawal kursus seperti mana di bawah:

Task: Tugasan Individu (Cerpen Mikro Pembangunan Belia) (10 markah)

Instruction

Question

Last update Aug 17 '15 at 13:04

Panduan tugasan cerpen mikro yang baik:

1. tema: pembangunan belia
2. maksimum: 250 patah kata
3. menggunakan Bahasa Melayu Tinggi (bukan bahasa rojak) atau Bahasa Inggeris yang sempurna
4. mempunyai mesej yang khusus untuk remaja/belia
5. memberi satu kesan emosi
6. mestil karya original (bukan ciptak atau adaptasi daripada karya orang lain)
7. mempunyai latar masa dan tempat
8. berupaya meningkatkan imuksesaran kepada pembaca
9. mengajak remaja/belia berkikir/merenung
10. pembentangan
11. mengajak remaja/belia berkikir/merenung

Kaedah pembentangan adalah bebas dan mengikut kreativiti masing-masing

*Karya yang bermutu akan dibukukan dalam satu kompleksi cerpen mikro belia.

*Pelajar boleh melayan laman berikut sebagai panduan menulis cerpen: <https://storify.com/jamiah/tentang-cerpen>

*Pelajar juga dibenarkan menghasilkan karya lain seperti mengubah lagu sendiri. Bagaimanapun, karya mestlah asli (digubah oleh pelajar sendiri).

3. Menyertakan panduan ringkas penulisan cerpen mikro dalam iFolio (*Course Material*) dan Storify.
4. Pelajar menulis cerpen mikro.
5. Respon pelajar terhadap tugas diperhatikan.
6. Pembentangan cerpen mikro dibuat oleh pelajar pada minggu ke-12.
7. Respon pelajar terhadap tugas diperhatikan.
8. Tugasan (dalam format Microsoft Word) dihantar oleh pelajar melalui sistem iFolio atau email skpm2023@gmail.com.
9. Pelajar membuat refleksi terhadap tugas yang telah disempurnakan melalui Diskusi iFolio.
10. Tugasan cerpen mikro dinilai dan dibukukan.
11. Refleksi pelajar dianalisis.
12. Cerpen mikro didaftarkan di bawah perlindungan harta intelek (Hakcipta).

Peringkat 4 : Memerhati

Pemerhatian berikut dilaksanakan:

1. Sejauh mana kesesuaian tugasan kepada semua tahap pelajar?
2. Sejauh mana pelajar berjaya melaksanakan tugasan yang diberikan?
3. Sejauh mana tugasan yang diberikan menyumbang kepada pembangunan bahan berkualiti bagi tujuan pemerksaan remaja/belia?
4. Apakah implikasi tugasan kepada pelajar?
5. Apakah penambahbaikan yang perlu dibuat untuk memantapkan kaedah PdP?

HASIL KAJIAN**Kesesuaian Tugasan Terhadap Pelajar**

Tugasan ini didapati sesuai dengan semua tahap pelajar. Pemerhatian yang dibuat mendapati, semua pelajar bersetuju dengan tugasan Mikro Cerpen yang diberikan dengan nilai 10 % daripada markah keseluruhan. Persetujuan ini diperoleh pada minggu pertama kuliah.

Darjah kesukaran tugasan Cerpen ini adalah pada tahap sederhana. Ini kerana, pelajar hanya perlu menulis 1 hingga 3 halaman cerpen sahaja berbanding cerpen biasa iaitu sekitar 2,500 – 22,000 patah perkataan. Pemerhatian juga mendapati, 10% daripada pelajar menghantar lebih daripada 3 halaman cerpen.

Ia merupakan tugasan yang agak mencabar bagi pelajar daripada aliran sains namun mereka menganggapnya sebagai cabaran yang positif. Kesukaran ini turut diimbangi oleh tempoh masa yang panjang (12 minggu) dan jumlah halaman yang sedikit. Malah, ramai yang berjaya menyiapkan tugasan dalam masa yang singkat. Berikut antara respon pelajar terhadap perkara tersebut di dalam iFolio:

“ia mungkin agak sukar bagi saya kerana saya tidak pandai bersastera. Namun saya anggap ia sebagai cabaran untuk melihat dari aspek yang positif untuk melakukan aktiviti ini. Alhamdulillah ia tidak sukar yang disangka saya dapat menyiapkan tugasan cerpen ini dengan jayanya”.

(Muhammad Hazim Shamsul Zamri, Pelajar Tahun 1)

“.. cerpen ringkas saya telah ditulis 2 hari 2 malam sehingga akhirnya saya dapat menghantar pada tarikh yang ditetapkan”.

(Muhammad Nur Adam Mohd Khairi, Pelajar Tahun 2)

“Jujur saya katakan cerpen merupakan salah satu tugasan yang sukar bagi saya. Hal ini kerana saya bukanlah dari kalangan orang yang suka membaca. Jadi idea untuk mendapatkan jalan cerita terutama tentang belia bukan perkara mudah. Namun tempoh yang diberi oleh Dr untuk menyiapkan cerpen memberi peluang kepada saya untuk membuat banyak rujukan tentang belia dan gaya penulisan cerpen”.

(Nur ‘Adilah Md Adnan, Pelajar Tahun 3)

Pelaksanaan Tugasan oleh Pelajar

Semua pelajar telah berjaya melaksanakan tugas dengan baik. Kesemua karya tersebut telah dikompilasikan dan kesemuanya berjumlah 547 halaman dengan 133, 658 patah perkataan. Pembentangan Cerpen Mikro pula melibatkan dua minggu kuliah. Pelajar-pelajar telah membentangkan karya mereka secara sukarela. Pemerhatian mendapati, semua pelajar berasa teruja membentangkan karya mereka dan mengikuti karya-karya yang dibentangkan oleh rakan-rakan yang lain. Pelbagai isu semasa belia telah berjaya digarap dengan baik dalam karya mereka untuk menyampaikan mesej yang membina kepada remaja/belia.

Kualiti Karya Pelajar

Pelajar berjaya menghasilkan cerpen yang menarik dan membawa mesej pembangunan belia dengan baik. Markah yang diperoleh bagi tugas ini ialah di antara 7-10 markah. Kreativiti dan nilai tarikan kepada karya-karya tersebut ini diperakui oleh rakan-rakan pelajar yang mengikuti pembentangan karya mereka. Berikut antara respon berkenaan perkara tersebut di dalam iFolio:

“Karya-karya rakan yang lain juga dapat saya lihat melalui aktiviti ini. Semuanya amat menarik”.

(*Syahirah Ibrahim, Pelajar tahun 3*)

“..dapat melihat idea-idea yang menarik dan hebat rakan lain berkaitan dengan belia”.

(*Norsafika Abdul Karim, Pelajar Tahun 3*)

“Ianya seronok melihat pelajar menerangkan mengenai cerpen ataupun karya mereka”.

(*Nuradilah Abdul Gaffar, Pelajar tahun 3*)

Secara keseluruhannya, kebanyakan pelajar dapat menghasilkan cerpen mikro yang mempunyai plot yang menarik, mempunyai latar masa dan tempat, mempunyai kesan emosi, menggunakan bahasa yang baik dan menyampaikan mesej yang bermanfaat kepada remaja/belia. Karya di bawah merupakan antara contoh tugas Cerpen Mikro oleh pelajar. Ia dihasilkan oleh Saudara Mohd Sofi Bin Numin, pelajar tahun 1 yang sedang mengikuti Program Sains Kimia di Fakulti Sains dan Teknologi semasa kajian dibuat:

“Aku duduk sambil membaca nota Biologi yang diberikan oleh Cikgu Aiman. Tepat pada waktunya azan subuh pun berkumandang menandakan masuknya waktu subuh di kawasan Tawau, Sabah. Aku menuju ke tandas yang berada di dapur untuk mengambil wudhu. Sebaik sahaja pili air ku buka, air jatuh ke lantai tandas dan mengeluarkan bunyi bising yang mungkin membuat ayah dan ibuku terjaga. Setelah selesai mengambil wudhu, ayah dan ibu ku lihat menuju ke tandas dan mengambil wudhu. Setelah itu kami solat subuh secara berjemaah di bilik solat. Hati terasa senang setelah menunaikan rukun Islam yang kedua ini.

Selesai menunaikan solat, ibu bertanya kepadaku "Safwan tak tidur lagi ke dari semalam?".

"Ya ibu, Safwan tak tidur lagi dari semalam. Tak apa ibu, esokkan hari cuti, lagipun SPM seminggu lagi. Safwan nak belajar sehabis baik sepanjang minggu belajar ini", kataku. Sekejap lagi Safwan tidur", kataku.

"Dah, pegi masuk tidur", kata ibu kepadaku. Aku pun menuju ke bilik tanpa berkata apa-apa.

Pada keesokan hari, sebaik sahaja bangun dari tidur yang sangat lena, aku mendapat mesej daripada kawan ku, Syamil. Syamil mengajakku belajar secara berkumpulan sepanjang minggu terakhir sebelum menduduki SPM ini. Aku bersetuju dengan ajakan Syamil untuk belajar secara berkumpulan bersama-sama sepanjang minggu ini bermula hari Isnin iaitu lusa. Dulu kami ada seorang kawan rapat. Namanya Suhaedir. Dia merupakan salah seorang yang sering mendapat markah paling tinggi pada setiap ujian bulanan dan peperiksaan semester. Semua cikgu asyik memuji Suhaedir dan memberikan harapan yang tinggi kepada beliau. Namun begitu, kami sebagai kawan kepada Suhaedir berasa hairan dengan cara dia belajar kerana Suhaedir seorang belia yang sangat aktif dan sering menyertai kumpulan rempit.

Pernah pada suatu masa dahulu, ketika aku dan Syamil sedang membuat kerja sekolah Biologi yang diberikan oleh cikgu Aimah di perpustakaan daerah Tawau, tiba-tiba, Suhaedir datang.

"Safwan, Syamil, jom pergi lepak", kata Suhaedir.

"Ah, lepak? Kat mana?", kataku.

"Ala, minum-minum je kat kedai mamak", kata Suhaedir.

"Ok", kataku serentak dengan Syamil.

Kami bertiga pun pergi ke kedai mamak dengan dua motor. Sesampai sahaja dekat kedai mamak tersebut, aku melihat ramai kumpulan mat rempit yang sedang menunjukkan bakat terpendam mereka iaitu menunggang motorsikal secara berbahaya. Suhaedir menuju kepada mereka dan menyapa mereka. Aku dan Syamil terkejut dengan perbuatan Suhaedir. Aku terus bertanya kepada Suhaedir.

"Dir, siapa mereka ni?".

"Ini Dragon. Ketua kumpulan ni", jawab Suhaedir sambil megambil rokok dari tangan Dragon.

"Dir, apa kau buat ni? Kita tak pernah diajar untuk buat semua benda ni". Kataku.

Tiba-tiba Suhaedir berasa marah dan menolak aku.

"Kau balik lah!" Kata Suhaedir sambil meninggikan suara.

Aku dan Syamil terus pulang ke rumah.

Pada hari Jumaat, selepas menunaikan solat Jumaat secara berjemaah di kampung, aku dan Syamil tidak pulang ke rumah dan terus ke perpustakaan daerah untuk belajar subjek Biologi bersama-sama. Selesai belajar bersama-sama kami terus balik. Dalam perjalanan pulang, kami melihat Suhaedir terbaring di jalan raya dalam keadaan tidak sedar. Di sebelahnya ada motornya yang rentung terbakar. Kami menelefon ambulans dan polis. Beberapa minit kemudian polis dan ambulans pun datang. Suhaedir di bawa ke hospital daerah dan kami mengikut Suhaedir ke sana. Setelah doktor membuat pemeriksaan, ternyata tangan kanan Suhaedir patah dan harus di balut. Suhaedir menangis teresak-esak di wad pesakit sendirian. Dia berasa sedih sebab dia tak dapat menduduki peperiksaan SPM pada tahun ini. Dia harus mengambil peperiksaan pada tahun hadapan. Dia berasa sangat menyesal dan tidak merempit lagi selepas itu. Aku, Syamil dan Suhaedir berkawan baik semula. 4 bulan kemudian, aku dan Syamil ingin menuju ke sekolah untuk mengambil keputusan SPM dan Alhamdulillah kami mendapat 11A+. Dan begitu juga dengan Suhaedir pada tahun hadapan selepas itu. Kami bertiga memasuki universiti yang sama dan berkawan rapat sehingga sekarang.

(Mohd Sofi Bin Numin, Tahun 1)

Implikasi Tugasan kepada Pelajar

Tugasan penulisan cerpen dan karya kreatif merupakan pengalaman pembelajaran yang unik dan menarik bagi pelajar.

“Ringkasnya, program ini telah memberikan saya pengalaman baharu yang tidak pernah saya miliki”.

(Ahmad Hafiz Amirudin, Pelajar Tahun 1)

“Melalui penulisan cerpen dan pantun saya telah dapat mempelajari teknik untuk menulis karya tersebut, saya dapati ini adalah pengalaman yang begitu menarik kerana saya tidak tahu cara untuk menulis karya-karya tersebut”.

(Annur Al-Arif Kamal Arifin, Pelajar Tahun 2)

Ia membolehkan pelajar mengasah bakat mereka dalam penulisan karya kreatif. Berikut antara respon pelajar berhubung perkara ini:

“.. mengasah bakat kreatif belia”

(Ahmad hafiz Amirudin, Pelajar tahun 1)

“Aktiviti ini dapat mengasah bakat pelajar dalam bidang penulisan”.

(Nurhatiqah Tamrin Fooad, Pelajar Tahun 3)

“Aktiviti ini memberi peluang kepada belia untuk mencungkil bakat dalam dunia penulisan kreatif. Aktiviti ini juga berhasil untuk mengasah bakat dalam diri belia.”

(Mohammad Helmi Hamid, Pelajar Tahun 1)

“Mengasah bakat yang ada untuk berseni melalui penulisan. Aktiviti ini memberi peluang kepada kami untuk menjana idea kami sendiri dalam menyampaikan mesej sama ada menerusi cerpen ataupun puisi. Apabila dilihat daripada hasil yang telah ditunjukkan dalam kalangan ahli kuliah, saya percaya bahawa setiap orang ada bakat yang terpendam, namun bakat itu perlu didorong dan diasah agar dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.”

(*Muhammad Ilham Alwi, Pelajar Tahun 1*)

“Cerpen ini berjaya membuatkan saya menonjolkan bakat saya sebagai seorang penulis. Saya tidak mengetahui bahawa saya mempunyai bakat untuk membuat cerpen sehingga saya diberi tugas ini.”

(*Nur Farah Jasmeen Mohd Bashir, Pelajar Tahun 1*)

“Cerpen dan karya kreatif dalam Pembangunan Belia dapat mencungkil bakat-bakat terpendam setiap belia.”

(*Nursyazwani Shaarani, Pelajar Tahun 1*)

“Memberi peluang kepada pelajar melontarkan idea dan bakat terpendam dalam berkarya.”

(*Nurul Asyikin Mohd Zaid, Pelajar Tahun 3*)

“Dapat mengasah bakat dalam mengarang cerita. Sangat bagus.”

(*Fatimah Khairunisa Bambang, Pelajar tahun 3*)

Cerpen mikro memerlukan pelajar berfikir secara kreatif. Sehubungan itu, ia berupaya meningkatkan kreativiti pelajar. Hal ini diperakui oleh ramai pelajar. Antaranya:

“Ianya membantu saya dalam menyatakan pendapat saya sendiri dan saya perlu memikirkan plot cerita yang saya mahu mengetengahkan dan membuatkan saya perlu berimajinasi dan yang paling penting supaya orang lain faham akan apa yang saya cuba terapkan di dalam cerpen tersebut serta pengajaran daripadanya.”

(*Nurulaini Abdullah, Pelajar Tahun 1*)

“Memberi peluang untuk mengutarakan idea sendiri, mengikut kreativiti seseorang dalam mencipta imaginasi dan jalan cerita agar pembaca mendapat mesej melalui tema cerpen, pembangunan belia.”

(*Nur Attikah Shuada Abdullah, pelajar Tahun 1*)

“Idea yang berbeza di dalam setiap cerpen yang dihasilkan dapat memperlihatkan kreativiti seseorang belia itu berfikir kerana setiap orang mempunyai pandangan dan hasil nukilan yang berbeza.”

(*Nursyazwani Shaarani, Pelajar Tahun 1*)

“Tambah pula, aktiviti yang diadakan di dalam kuliah seperti debat, sketsa, penghasilan cerpen dan banyak lagi telah membuatkan sel-sel otak kami berhubung untuk berfikir secara waras dan rasional dalam menjawab soalan dengan betul dan tidak menyinggung mana-mana pihak yang mendengar.”

(Izuwani Nasir, Pelajar Tahun 1)

“Cerpen bukanlah sesuatu yang senang untuk dikarang. Hal ini kerana untuk mengarang sesuatu cerpen, banyak idea diperlukan. Jadi di situ pelajar dapat berfikir secara kreatif.”

(Nur Adila Zahari, Pelajar Tahun 1)

“Dapat mengasah minda dan bakat saya untuk berwacana dan mengeluarkan idea di luar kotak.”

(Adzim Syahid Atan, Pelajar Tahun 3)

Cerpen mikro juga memberi peluang kepada pelajar untuk mengekspresikan perasaan, idea dan pemikiran mereka secara positif dan bermakna. Ia juga menjadi medan untuk pelajar untuk berkongsi idea dan kreativiti untuk menyampaikan mesej yang bermakna kepada belia.

“Peluang untuk belia meluahkan apa-apa sahaja yang hendak diluahkan dalam satu cara yang betul dan tidak menggunakan cara yang salah. Menyedarkan belia bahawa terdapat banyak cara terbaik untuk meluahkan perkara-perkara di dalam pemikiran.”

(Ahmad Hafiz Amiruddin, Pelajar tahun 1)

“Cerpen yang dianjurkan juga telah menyebabkan saya berasa selesa kerana peristiwa yang dipendamkan oleh saya dijadikan satu cerita untuk diteladani oleh semua pihak.”

(Amirul Syazwan Muhayat Kamarudin, Pelajar Tahun 1)

“Cerpen dan karya kreatif dalam pembangunan belia merupakan platform bagi belia mengekspresikan kreativiti mereka. Saya telah membuat cerpen yang bertajuk ‘Papa, I’m sorry’. Cerita ini merupakan rekaan semata-mata yang terhasil daripada imaginasi kreatif saya. Saya sangat suka akan aktiviti ini kerana dapat membuktikan bahawa saya juga mempunyai bakat untuk menjadi penulis walaupun tidaklah sesempurna novelis terkenal.”

(Nurul Syahidah Nor Ibrahim, Pelajar Tahun 1)

“Alhamdulillah saya suka menulis dan mengutarakan pandangan melalui dunia penulisan dan aktiviti yang diberi pensyarah ini telah saya laksanakan dengan bersungguh-sungguh. Segala ilmu dan pandangan telah saya garapkan dalam pembikinan cerpen ini. Saya mahu di setiap penulisan saya memberi satu pengajaran buat belia kini serta buat diri sendiri yang kadang leka dengan kesibukan dunia yang sentiasa mempengaruhi kita. Dalam bidang penulisan, seorang penulis harus menitikberatkan pelbagai aspek, seperti gaya penulisan, bahasa yang digunakan, watak

yang ingin ditonjolkan dan yang paling penting ibrah ataupun pengajaran yang dapat diperolehi oleh pembaca kelak. Dalam penghasilan cerpen ini ianya sentiasa menyedarkan saya bahawa akhlak bukan hanya ditonjolkan melalui perbuatan kita, malah dalam penulisan juga memberi impak yang besar sama ada positif ataupun sebaliknya. Sebagai contoh jika penulisan yang baik akan sentiasa membawa kita berfikir dengan lebih meluas dan seterusnya memberi pengajaran yang baik untuk belia amalkan dalam kehidupan sehari-hari. Malah jika ianya tidak baik, sesuatu penulisan itu dapat mempengaruhi pemikiran dan seterusnya akhlak belia itu sendiri.”

(*Nur Amalina Khirul Sani, Pelajar Tahun 1*)

Tugasan ini memberi ruang untuk pelajar berkarya dalam sela pembelajaran di university:

“Secara jujurnya, sudah lama saya tidak menulis cerpen kerana saya sangat aktif dalam menulis cerpen di sekolah untuk majalah sekolah saya. Oleh itu, saya gunakan kesempatan ini dengan sebaik mungkin dengan menulis sebuah cerpen “Kembali” dan sajak “Belia”.”

(*Muhamad Khaider Bustami, Pelajar Tahun 1*)

“Pandangan saya pada aktiviti Cerpen dan Karya Kreatif dalam Pembangunan Belia adalah sangat wajar dilakukan kerana dapat mengasah semula bakat saya yang dahulu selalu menulis karangan ketika sekolah menengah. Selepas tamat sesi persekolahan, saya langsung tidak pernah menulis karangan sejak itu kerana bidang kerjaya saya sekarang ini hanyalah bertumpu kepada subjek sains. Dengan aktiviti menulis cerpen ini dapat mengimbau kembali kenangan saya ketika di sekolah menengah yang banyak meninggalkan kenangan manis.”

(*Ahmad Aliff Ahmad Sabaruddin, pelajar Tahun 1*)

“Dapat mengeluarkan idea dan kembali mengarang setelah sekian lama tidak mengarang.”

(*Fatin Athirah Sukri, pelajar Tahun 3*)

Cerpen dan karya kreatif juga berupaya menyemai nilai-nilai murni kepada pembaca: ia juga meningkatkan hasil penulisan kreatif belia:

“Dengan adanya hasil nukilan daripada para pelajar yang lain, ia secara tidak langsung dapat membantu dalam memberi nilai-nilai murni dan pengajaran kepada para pembaca. Dengan adanya cerpen ni juga dapat membantu meningkatkan lagi hasil penulisan orang muda dalam seni penulisan yang semakin hari hilang di mata anak muda kini.”

(*Muhammad Zahir Aman Abu Bakar, Pelajar Tahun 3*)

Dalam pada itu, aktiviti ini juga membentuk keyakinan diri pelajar dan membentuk jati diri pelajar:

“Selain berjaya menghasilkan sebuah cerpen dan karya kreatif yang bermanfaat, belia juga diberi peluang untuk membentangkan idea penulisan atau karya kreatif di khayalak ramai. Ini telah menghasilkan bukan sahaja belia yang berfikiran kreatif malah melatih diri belia untuk lebih berani membentangkan idea di hadapan ramai.”

(*Mohamad Helmi Hamid, Pelajar Tahun 1*)

“Ia juga dapat melatih saya untuk lebih menyayangi bahasa kebangsaan kita dengan lebih mendalam”.

(*Annur Al-Arif Kamal Arifin, Pelajar Tahun 1*)

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Berasaskan pemerhatian dan refleksi daripada pelajar sepanjang tempoh kajian tindakan dilakukan, beberapa penambahbaikan perlu dibuat untuk memantapkan lagi kaedah PdP ini iaitu:

Pembentangan

Setiap pelajar perlu diberi lebih peluang untuk membentangkan karya mereka di dalam kelas. Dalam pelaksanaan yang lepas, satu sesi kuliah (3 jam) diperuntukkan untuk sesi pembentangan. Pembentangan adalah berasaskan konsep sukarela. Ia bertujuan untuk memberi ruang kepada pelajar untuk saling berkongsi karya cerpen mikro masing-masing. Bagaimanapun, oleh kerana bilangan pelajar adalah ramai (160 orang) dan terdapat pelajar yang membuat pembentangan melebihi daripada masa yang ditetapkan, terdapat pelajar yang tidak dapat membentangkan karya mereka. Ini menyebabkan mereka berasa kecewa. Berikut antara komen pelajar berhubung hal ini:

“Namun saya kurang setuju pada bahagian pembentangan. Sepatutnya semua pelajar harus membentang hasil kerja mereka. Selain itu, semasa pembentangan, kebanyakan pelajar yang membentang mengambil masa yang amat lebih daripada masa yang telah ditetapkan. Hal ini telah menutup peluang pelajar lain dalam membentang hasil kerja mereka disebabkan oleh kekangan masa”.

(*Syahirah Ibrahim, Pelajar Tahun 3*)

Bagi mengatasi masalah ini, pensyarah perlu bersikap lebih tegas dalam aspek pengurusan masa kepada pelajar semasa pembentangan. Selain itu, pensyarah juga boleh memperuntukkan masa yang lebih lama bagi tujuan pembentangan. Alternatif lain yang boleh dilakukan oleh pensyarah ialah dengan meminta pelajar memuatnaik karya dan pembentangan mereka di laman sosial seperti *You Tube*, *Facebook* dan *Medium*. Perkongsian di laman sosial membolehkan pelajar saling berkongsi karya mereka dengan pelajar yang lain.

Foto dan Butiran Rasmi

Kesemua cerpen mikro pelajar telah dikompilasikan ke dalam sebuah buku antologi Cerpen Mikro Pembangunan Belia. Setiap cerpen disertakan dengan foto dan latar belakang pengajian pelajar. Bagaimanapun, terdapat foto yang peroleh hanyalah daripada i-Folio. Terdapat beberapa orang pelajar yang tidak mempunyai foto di dalam i-Folio. Oleh itu, tugasan perlu mensyaratkan agar pelajar menyertakan foto terkini dan butiran rasmi bagi tujuan dokumentasi. Pensyarah juga disarankan agar menyediakan template khas yang mengandungi ruangan foto, tajuk cerpen, butiran rasmi, ilustrasi dan cerpen mikro dalam format *Microsoft Word* bagi tujuan penghantaran tugas. Ini membolehkan, cerpen mikro tersebut didokumentasikan dengan lebih mudah dan menarik. Pensyarah juga menghadapi kesukaran untuk mendaftarkan karya pelajar di bawah perlindungan hakcipta kerana tidak mempunyai maklumat nombor kad pengenalan pelajar. Ini menyebabkan, pensyarah terpaksa menghubungi setiap pelajar melalui email dan telefon bimbit. Hal ini menyebabkan, proses pendaftaran hakcipta tertangguh seketika. Sehubungan itu, maklumat tersebut perlu diminta daripada pelajar semasa penghantaran tugas.

E-book dan Pengkormesialan Produk

Karya cerpen mikro ini berpotensi untuk dibaca oleh semua peringkat belia dan dikomersialkan melalui penerbitan E-book. E-book ini boleh dijadikan bahan bacaan percuma atau berbayar. Oleh itu, karya perlu diterbitkan di bawah mana-mana penerbitan (mempunyai ISBN) atau dilindungi di bawah akta hakcipta sebelum diedarkan melalui Google Apps atau portal berbayar. Selain itu, karya juga perlu dilindungi kerana sebahagian besar karya boleh diadaptasikan ke dalam bentuk filem dan drama pendek.

Integriti Karya

Integriti karya adalah penting untuk memastikan karya adalah asli dan bebas daripada unsur plagiat. Sehubungan itu, pensyarah disarankan untuk menyemak keaslian karya menggunakan medium internet dan menyediakan borang perakuan keaslian karya yang perlu ditandatangani oleh pelajar.

Kisah Benar, Nilai Ilmu dan Nilai-Nilai Moral

Karya pelajar akan lebih bernilai sekiranya ia adalah berasaskan kepada kisah sebenar yang berlaku dalam kehidupan belia, mempunyai nilai ilmu atau falsafah yang tinggi dan nilai moral yang tinggi. Ini penting kerana untuk membolehkan pelajar memahami realiti, mendokumentasikan sejarah dan berupaya menghubungkan realiti dengan ilmu serta nilai-nilai moral yang tinggi. Sehubungan itu, perincian tugas perlu turut menekankan perkara tersebut sebagai panduan kepada pelajar dalam menggarap karya cerpen mikro yang bernilai tinggi.

RUMUSAN

Cerpen mikro merupakan medium P&P yang berkesan untuk membolehkan pelajar kursus Pembangunan Belia (SKPM 2023) menghayati isu-isu pembangunan belia dan menyampaikan mesej khusus berkenaan dengan pembangunan belia dengan baik. Dalam pada itu, secara tidak langsung, ia memberikan pengalaman pembelajaran yang unik, mengekspresikan pemikiran secara kreatif, memupuk bakat dan minat dalam penulisan kreatif, membina jati diri dan membangunkan portfolio. Pendekatan P&P ini juga terbukti sesuai untuk digunakan terhadap pelajar daripada mana-mana jurusan dan tahap pengajian. Bagaimanapun, beberapa penambahbaikan perlu dibuat untuk meningkatkan keberkesanan P&P, mengukuhkan integriti pelajar dan menambah nilai kormesial karya.

PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan sebahagian daripada gerak-kerja bagi projek FRGS (Pembangunan Modul Kemahiran Keibubapaan untuk Mendidik dan Membangunkan Potensi Modal Insan Generasi Z (MKK-Z) (Kod Projek: FRGS/1/2014/ss109/UKM/02/6) yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia dan pasukan T30 Kursus SKPM 2023.

RUJUKAN

Al-Quran.

- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia, (2008). *Buku manual kajian tindakan (Edisi ketiga)*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ebbutt, D. (1985). Educational action research. Burgess (ed.), *Some General Concerns and Specific Quibbles*, 158-161.
- Kemmis, S., & McTaggart, R. (2005). *Participatory Action Research: Communicative Action and the Public Sphere*. Sage Publications Ltd.
- Lomax, P. 1994. Change and Educational Innovation: The Case for Action Research. Ucapan utama yang disampaikan semasa International Conference on Innovation in Education: Universiti Sains Malaysia.
- McNiff, J. (2013). *Action research: Principles and practice*. Routledge.